



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 48
No. 1

1hb Januari 2004

TAMBAHAN No. 1
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 1.

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

MENURUT subseksyen 34(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Act 505*], Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak, membuat fatwa yang dinyatakan dalam Jadual.

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW
(FEDERAL TERRITORIES) ACT 1993

FATWA UNDER SECTION 34

PURSUANT to subsection 34(1) of the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 [*Act 505*], the Mufti of Federal Territories, after having discussed with the Islamic Legal Consultative Committee, makes the *fatwa* set out in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

PERKAHWINAN ORANG ISLAM DENGAN MENGGUNAKAN WALI AM DARI
SELATAN THAILAND

Bahawa pernikahan atau perkahwinan orang Islam dengan menggunakan Wali Am dari Selatan Thailand yang dijalankan di luar kawasan tauliahnya adalah tidak sah mengikut hukum syarak.

AJARAN AHMADIAH ATAU QADIANI YANG DIBAWA OLEH
MIRZA GHULAM AHMAD

Bahawa ajaran Ahmadiyah atau Qadiani yang dibawa oleh Mirza Ghulam Ahmad adalah bukan daripada ajaran Islam dan orang-orang yang mengikut ajaran ini bukanlah orang Islam.

PEGAWAI PERHUBUNGAN PELANGGAN (GRO)

Bahawa adalah haram dan berdosa bagi orang Islam yang bekerja sebagai Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) dengan kelab-kelab malam, kelab dangdut, disko, karaoke dan pub atau apa sahaja yang seumpamanya.

Bertarikh 9 Disember 2003

Dated 9 December 2003

[PMWP/100/20; PN(PU²)530/III]

PROF. DR. MOHAMMED YUSOFF BIN HUSSAIN
*Mufti Wilayah-Wilayah Persekutuan/
Mufti for the Federal Territories*

